

20 APRIL 2018

Tilam dadah

76 setempat 20-04-2018

Tilam dadah

■ **Kontraktor, juruteknik ditahan selepas dikesan menjalankan kegiatan edar syabu**

Nurul Hidayah Bahaudin
cnews@nstp.com.my

Sungai Buloh

Tidur beralaskan dadah. Itu taktik digunakan dua lelaki yang ditahan polis selepas dikesan menjalankan kegiatan mengedar dadah sekitar daerah ini.

Mereka antara tiga lelaki yang ditahan dalam dua serbuan berasingan di Kampung Melayu Subang dan Kampung Paya Jaras Hilir, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan S Somu berkata, dalam serbuan pertama di Kampung Melayu Subang, pihaknya menahan dua lelaki yang bekerja sebagai kontraktor dan juruteknik berusia 30 dan 36 tahun di rumah sewa mereka jam 11.30 malam, kelmarin.

"Dalam serbuan itu, kami menemui sembilan paket dadah syabu yang disorokkan di bawah tilam digunakan suspek. Selain itu turut ditemui satu botol plastik mengandungi satu liter air ketum diletakkan di bawah singki.

"Hasil ujian saringan air kencing dilakukan terhadap kedua-dua suspek mendapati mereka positif dadah jenis Methamphetamine dan tiada rekod jenayah lampau.

"Mereka direman selama empat hari bermula 17 April hingga hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 30 (3) Akta Racun

1952," katanya.

Somu berkata, pihaknya turut menahan seorang lelaki berusia 26 tahun yang juga pengedar dadah jalanan di Kampung Paya Jaras Hilir, jam 3.45 petang, kelmarin.

"Ketika pemeriksaan dilakukan, kami menemui empat paket dadah jenis heroin dalam genggam tangan kanan suspek terbabit.

"Semakan mendapati suspek tiada rekod jenayah, namun hasil ujian saringan air kencing dilakukan mendapati positif Methamphetamine.

"Suspek direman selama lima hari bermula 18 hingga 22 April ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39A (2) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.